

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN WAN RAMLI [DUNGUN]

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN WAN RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang perancangan Kementerian pada pasca pandemik COVID-19 ini untuk memudahkan pembiayaan bagi golongan muda untuk membeli rumah yang pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memastikan semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan peringkat umur mempunyai rumah sama ada secara dimiliki mahupun secara sewaan. Kementerian juga sangat prihatin terhadap golongan belia khususnya mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19 sama ada dibuang kerja, mengalami pengurangan pendapatan serta menghadapi kesukaran membuat pembiayaan bagi membeli rumah yang pertama.

Bagi membantu golongan muda membeli rumah, Kementerian pernah melaksanakan Skim MyHome dan MyDeposit bermula pada tahun 2015. Program ini bertujuan untuk membantu pembeli rumah pertama dalam kategori M40 membayar deposit pembelian rumah sebanyak 10%

SOALAN NO : 42

atau sehingga maksimum RM30,000 bagi setiap pembeli. Program ini amat bermanfaat untuk golongan muda memandangkan 85% peminjam adalah golongan berumur 25-35 tahun. Walau bagaimanapun, program ini telah dihentikan mulai tahun ini dan Kementerian sedang meneliti cadangan pewujudan skim seumpama ini dengan mengambil kira pembiayaan yang lebih mampan (*sustainable*).

Selain meneliti model pembiayaan yang bersesuaian, Kerajaan akan terus komited untuk meningkatkan bekalan Rumah Mampu Milik (RMM) selaras dengan sasaran yang telah digariskan dalam RMKe-12. Program khusus untuk golongan B40 adalah seperti berikut:

- (i) **Program Perumahan Rakyat (PPR)** - Setakat ini terdapat 97,196 unit yang telah siap dibina, 9,862 unit masih dalam pembinaan dan 2,893 unit masih dalam perancangan; dan
- (ii) **Rumah Mesra Rakyat (RMR)** di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) - Setakat ini terdapat 47,714 unit yang telah siap dibina, 4,824 unit masih dalam pembinaan dan 1,921 unit masih dalam perancangan.

Bagi golongan M40 pula terdapat program perumahan seperti berikut :

- (i) **Program Perumahan PR1MA** - Setakat ini terdapat 24,847 unit yang telah siap dibina, 21,072 unit masih dalam pembinaan dan 3,482 unit masih dalam perancangan;
- (ii) **Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)** - Setakat ini terdapat 12,652 unit yang telah siap dibina, 15,816 unit masih dalam pembinaan dan 14,304 unit masih dalam perancangan; dan
- (iii) **Kediaman SPNB** - Setakat ini terdapat 27,518 unit yang telah siap dibina, 1,968 unit masih dalam pembinaan dan 1,841 unit masih dalam perancangan.

SOALAN NO : 42

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu golongan muda yang kurang berkemampuan, inisiatif Rumah Transit Belia (RTB) akan diteruskan. Kementerian sedang merancang untuk menyediakan RTB di beberapa lokasi di Lembah Klang bagi menangani situasi harga rumah dan kadar sewa yang tinggi di kawasan tersebut. Sebanyak dua projek RTB dicadangkan iaitu di Mukim Batu, Kuala Lumpur dan di Rawang, Selangor. Inisiatif ini diharap dapat membantu golongan muda untuk mengukuhkan kedudukan kewangan sebelum mereka memiliki kediaman sendiri.

Selaras dengan komitmen kerajaan dalam meningkatkan aksesibiliti perumahan oleh rakyat khususnya golongan muda, Panel Pemikir (Panel of Experts) akan diwujudkan bagi membantu dan memberi nasihat kepada Kementerian dalam pelbagai isu perumahan khususnya melibatkan kluster sosial, ekonomi dan geopolitik serta membantu merangka strategi pendekatan aksesibiliti perumahan ideal yang konklusif, praktikal dan mampan.

Kementerian ini mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat mengenai perancangan KPKT pada pasca pandemik COVID-19 dalam memudahkan pembiayaan golongan muda untuk membeli rumah yang pertama. Isu ini akan sentiasa diberi perhatian oleh Kementerian dan penyelesaiannya memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah institusi perbankan. Di harap program-program yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian akan terus memberi manfaat perumahan kepada rakyat khususnya golongan muda.

Sekian, terima kasih.